

|             |   |            |         |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline    | Pengalaman termahal pelatih SL1M IBE jalani latihan |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo   |            |         |
| Date        | 19 Dec 2013   | Language   | Malay   |
| Circulation | 115,967   | Readership | 406,000 |
| Section     | Kosmo 2   | Page No    | 37      |
| ArticleSize | 679 cm <sup>2</sup>                                 | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 17,711   |            |         |



## Pengalaman termahal pelatih SL1M-IBE jalani latihan

**KUALA LUMPUR** - Seorang pelatih Skim Latihan 1Malaysia-Industri Bekalan Elektrik (SLIM-IBE) menceritakan pengalaman berharganya semasa mengikuti program itu apabila diberi kepercayaan oleh pihak pengurusan untuk membaiki salah satu komponen di bilik penyejuk mesin janakuasa yang mengalami kerosakan.

Lulusan Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Mohd. Norhan Mohammad Puhat**, 26, memberitahu, tempoh latihan selama setahun di Stesen Janaelektrik Pasir Gudang, Johor mengajarnya cara bekerja dalam kumpulan dengan baik khususnya ketika menyelesaikan masalah yang berlaku secara tiba-tiba.

"Kebetulan semasa saya mengikuti latihan di TNB, berlaku kerosakan di salah satu bilik penyejuk mesin janakuasa di situ.

"Pihak atasan memberikan kepercayaan kepada kumpulan saya untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Kami ditugaskan untuk mereka bentuk satu kaedah baharu yang boleh digunakan supaya masalah tersebut tidak berulang. Akhirnya kami berjaya menyelesaikan masalah itu dan formula tersebut masih digunakan sehingga sekarang," ujarnya.

Tambah Mohd. Norhan, dia berasa sangat bersyukur apabila terpilih untuk mengikuti SLIM-IBE kerana apa yang dipelajari sewaktu menuntut di UTM dapat dipraktikkan dalam program tersebut sehingga ke alam pekerjaan sekarang.

"Sebelum mengikuti program ini, saya bekerja di kilang membuat peralatan sukan yang mana skop tugasnya tidak sama dengan apa yang saya pelajari sewaktu di universiti dahulu dan apabila terpilih untuk sertai SLIM-IBE, saya rasa sangat gembira dan bersyukur.

"Selain itu, pengetahuan mengenai bidang ini juga bertambah memandangkan ketika menyertai SLIM, saya diberi pelbagai tugas yang menarik dan menantang seperti berpeluang terlibat dalam baik pulih pusat jana kuasa," ujarnya.

Selain diberikan latihan daripada segi teknikal, pelatih SLIM-IBE turut dilengkapi kemahiran insaniah bagi meningkatkan keyakinan diri apabila berhadapan dengan pelbagai peringkat masyarakat dalam pasaran kerja kelak.

Perkara tersebut diakui sendiri oleh salah seorang bekas pelatih SLIM-IBE yang kini bertugas sebagai Eksekutif Unit Perancangan Sumber Manusia di Bahagian Perkhidmatan dan Hal Ehwal TNB di Ibu Pejabat TNB, Jalan Bangsar di sini.

Setelah setahun **Ruqayyah Alwi**, 25, menjalani latihan di Pejabat TNB Kulim, Kedah sejak Disember 2011, keyakinannya untuk berhadapan dengan orang ramai semakin tinggi terutama ketika berurusan dengan pihak pengurusan atasan.

"Kini saya tidak mempunyai masalah apabila mahu membuat sebarang pembentangan terutama kepada pengurus atau pengarah di sini.

"Macam-macam perkara yang saya dapat belajar sewaktu mengikuti SLIM di Kulim. Latihan yang mereka berikan sangat komprehensif dan seiring dengan apa yang saya pelajari sewaktu di Universiti Selangor (Unisel) dulu.

"TNB juga memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjaga dan mengurus kini profil 120 orang pekerja mereka dengan bantuan daripada beberapa mentor yang tidak jemu memberikan tunjuk ajar serta memantau kerja yang diberikan kepada saya," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurut anak ketiga daripada lima orang beradik itu, penekanan terhadap aspek bekerja dalam kumpulan amat di tekankan kepada pelatih SLIM-IBE di TNB.

Mahu meneruskan legasi ayahnya di TNB, **Siti Farhanna Suharman**, 27, memberitahu, dia sangat beruntung terpilih mengikuti SLIM-IBE di TNB kerana program yang diatur sangat berkesan. Kakitangan TNB juga tidak lokek memberi tunjuk ajar dan bantuan.

"Selain kerja-kerja di pejabat dan di lapangan, mereka juga memberikan saya tugas-tugas seperti mengacara majlis-majlis anjurannya bagi memberikan saya kemahiran yang kita tidak dapat pelajari di bilik darjah.

"Jika terdapat sebarang masalah dengan kerja yang saya lakukan, kakitangan mereka tidak keberatan untuk memberi bantuan serta tunjuk ajar. Perkara seperti itu yang membuatkan program SLIM-IBE di TNB ini sangat istimewa," katanya yang merupakan pemegang Ijazah Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Bangi, Selangor.

SLIM-IBE bukan sahaja menerima lulusan jurusan kejuruteraan, malah pelajar bidang perkomputeran.

Lulusan Perkomputeran Elektronik, **Najidiy Hazri Abd. Razak**, 27, menyifatkan TNB sebagai syarikat utiliti elektrik terbesar negara bukan sahaja mampu meneraju bidang penjana kuasa, malah mampu mengembangkan rangkaian komputer dalamannya sendiri.

"Sewaktu menjalani program

SLIM-IBE, TNB banyak mendedahkan perkara baharu kepada saya terutama berkaitan sistem rangkaian komputer terkini yang sering berubah selari dengan perkembangan teknologi masa kini," jelasnya.

**Najidiy Hazri**, lulusan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) yang kini bertugas sebagai Eksekutif Rangkaian Komputer TNB berharap dapat mengembangkan karier dalam bidang tersebut ke tahap yang lebih tinggi.

**INFO SLIM TNB** 

**Pengambilan peserta**

- Kumpulan pertama 2011: 64 orang
- Kumpulan kedua 2011: 48 orang
- Kumpulan 3A 2012: 57 orang
- Kumpulan 3B 2012: 42 orang
- Kumpulan 3C 2012: 131 orang
- Jumlah - 342 orang

**Peserta SLIM yang dipanggil untuk Program Pembangunan Eksekutif Muda (YEDP)**

- Saringan 1: 169 orang
- Saringan 2: 59 orang
- Saringan 3: 24 orang
- Jumlah berjaya dipilih: 12 orang

■ Untuk maklumat lanjut sila hubungi: 03-2296 5566  
 ■ Faks: 03-2283 3686  
 ■ Laman web: [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)  
 ■ Facebook: [www.facebook.com/TNBcareline](http://www.facebook.com/TNBcareline)



NORHAN

|             |   |            |         |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline    | Pengalaman termahal pelatih SL1M IBE jalani latihan |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo   |            |         |
| Date        | 19 Dec 2013   | Language   | Malay   |
| Circulation | 115,967   | Readership | 406,000 |
| Section     | Kosmo 2   | Page No    | 37      |
| ArticleSize | 679 cm <sup>2</sup>                                 | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 17,711   |            |         |
|             |   |            |         |




NAJIDIY



RUQAYYAH



FARHANNA



IBU pejabat Tenaga Nasional Berhad di Bangsar, Kuala Lumpur.



SEORANG pelatih SL1M-IBE Tenaga Nasional Berhad giat menjalani latihan di Stesen Janaelektrik Putrajaya.